

01 DEC 1998

Mahkamah-Anwar (Daim)

DAIM DAN MEGAT JUNID TAK TERLIBAT TULIS DAN EDAR SURAT SALAH LAKU

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Tun Daim Zainuddin dan Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob tidak terlibat dalam penulisan dan pengedaran surat Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri yang mengandungi dakwaan salah laku seks Datuk Seri Anwar Ibrahim, mahkamah diberitahu hari ini.

Bekas Timbalan Pengarah Cawangan Khas II Datuk Amir Junus berkata kedua-dua nama mereka dan dua wanita yang disebutkan dalam surat permohonan maaf Ummi Hafilda Ali kepada Perdana Menteri menunjukkan mereka tidak terlibat.

Mengikut surat Ummi Hafilda itu, wanita itu menyatakan Daim menasihati agar laporan dibuat dalam bentuk hitam putih sebelum diajukan kepada Perdana Menteri, katanya.

Amir berkata demikian pada perbicaraan terhadap Anwar, 51 yang menghadapi empat pertuduhan rasuah menggunakan kedudukannya untuk campurtangan dalam penyiasatan polis berhubung dakwaan salah laku seks terhadapnya.

Anwar didakwa mengikut Seksyen 2(1) Ordinan No 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970 yang membawa hukuman maksimum penjara 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Amir, yang juga saksi ke-11, berkata demikian ketika disoal balas semula oleh Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail, pada hari ke-17 perbicaraan kes rasuah bekas menteri kewangan itu.

Daim merupakan Penasihat Ekonomi kerajaan dan Megat Junid sebagai Timbalan Menteri Dalam Negeri ketika itu.

Beliau berkata dua lagi nama iaitu Puan Ziela Jalil dan Dr Ristina Majid yang disebutkan dalam surat itu juga didapati tidak terlibat dalam pengedaran dan penulisan surat perihal salah laku berkenaan.

"Mengikut para satu muka surat tiga surat berkenaan, disebutkan bahawa Datuk Seri Megat Junid, Ziela Jalil dan Dr Ristina tidak terlibat dalam mereka-reka dakwaan yang dibuat oleh Ummi Hafilda," katanya.

Sebelum itu, Abdul Gani telah membacakan kandungan surat tulisan tangan Ummi Hafilda pada mahkamah dan antara kandungannya menyebut bahawa Megat Junid telah meminta Ummi Hafilda merujuk perkara itu kepada Daim sebagai orang yang paling rapat dengan Perdana Menteri.

Amir berkata daripada surat permohonan maaf itu difahamkan bahawa Ummi Hafilda bertemu dengan Daim di pejabatnya (Daim) pada awal Ogos 1997.

Sebelum itu semasa Abdul Gani membaca surat permohonan maaf Ummi Hafilda itu, mahkamah diberitahu bahawa Ummi Hafilda telah merujuk perkara itu kepada kawan baiknya Ziela Jalil dan Dr Ristina.

Sebelum itu semasa pemeriksaan balas oleh peguam Gurbachan Singh, Amir berkata beliau kurang pasti sama ada Cawangan Khas memberi taklimat kepada Anwar mengenai nama-nama Megat Junid, Daim dan Setiausaha Politik Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin.

Amir bagaimanapun berkata nama-nama itu ada dinyatakan dalam surat permohonan maaf Ummi Hafilda itu.

Beliau berkata Anwar meminta mereka mengesan Ummi Hafilda dan Azizan Abu Bakar bagi mencungkil maklumat-maklumat sebab mereka membuat dakwaan itu bukan menyiasat sepenuhnya dan menolak cadangan peguam bahawa Anwar tidak pernah mengeluarkan arahan itu.

Katanya beliau memberi taklimat kepada Anwar dari semasa ke semasa mengenai perkembangan siasatan dan maklumat yang diperolehi melalui temujanji yang diatur oleh juruiring Anwar, ASP Zull Aznam Haron.

Amir juga menolak cadangan Gurbachan bahawa tiada perbualan telefon antara beliau dengan Anwar dan berbincang mengenai kes itu khasnya mengenai surat kenyataan umum Azizan.

Beliau juga menolak cadangan peguam itu bahawa Anwar tidak pernah menyatakan kepuasan hati atau tidak terhadap mana-mana dokumen.

Semasa ditanya sama ada siasatan Cawangan Khas menunjukkan adanya konspirasi politik terhadap Anwar dan Azizan serta Ummi Hafilda bersedia untuk menarik balik dakwaan mereka itu, Amir berkata Anwar meminta mereka membuat sesuatu supaya mereka menarik balik dakwaan itu.

Beliau berkata Anwar tidak memberi arahan khusus supaya "mengubah pendirian" dan meneutralisasikan kedua-dua mereka tetapi Cawangan Khas menggunakan proses itu kerana kesuntukan masa iaitu dalam masa 24 jam.

Amir menolak cadangan peguam bahawa Anwar tidak pernah menyatakan cadangan untuk bertemu Azizan di pejabat Cawangan Khas walaupun ia tidak direkodkan dalam nota failnya.

Mengenai penyebaran surat perihal salah laku TPM, Amir berkata sehingga 27 Ogos tahun lepas, penyebarannya tidak luas.

Katanya, beliau kurang pasti sama ada memberi taklimat mengenai penyebaran surat itu melibatkan Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik (bekas Ketua Menteri Melaka) dan lebih kurang 40 orang digaji untuk tujuan itu.

-- BERNAMA
NHD AHH RHM